



1 Mac 2023  
1 March 2023  
P.U. (A) 54

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN CUKAI PELANCONGAN  
(PINDAAN) 2023

*TOURISM TAX (AMENDMENT)  
REGULATIONS 2023*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

## AKTA CUKAI PELANCONGAN 2017

## PERATURAN-PERATURAN CUKAI PELANCONGAN (PINDAAN) 2023

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 70 Akta Cukai Pelancongan 2017 [*Akta 791*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Cukai Pelancongan (Pindaan) 2023**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 2 Mac 2023.

**Bahagian baharu IIA**

2. Peraturan-Peraturan Cukai Pelancongan 2017 [*P.U. (A) 228/2017*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dengan memasukkan selepas Bahagian II bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN IIA  
INVOIS ATAU RESIT

**Butir-butir dalam invois atau resit**

5A. Tiap-tiap pengendali yang mengeluarkan suatu invois atau resit berhubung dengan premis penginapan yang disediakan kepada pelancong hendaklah menyatakan ke atasnya butir-butir yang berikut:

(a) nombor siri invois atau resit;

(b) tarikh invois atau resit;

(c) nama, alamat dan nombor pengenalan cukai pelancongan pengendali itu; dan

- (d) bilangan penginapan dan malam bagi setiap penginapan yang disediakan.”.

### **Pindaan peraturan 6**

3. Peraturan 6 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan subperaturan (5) dengan subperaturan yang berikut:

“(5) Suatu nota kredit atau nota debit hendaklah mengandungi butir-butir yang berikut:

- (a) nombor siri nota kredit atau nota debit;
- (b) tarikh nota kredit atau nota debit itu dikeluarkan;
- (c) nama, alamat dan nombor pengenalan cukai pelancongan pengendali;
- (d) nombor siri dan tarikh invois atau resit yang asal;
- (e) sebab nota kredit atau nota debit itu dikeluarkan;
- (f) bilangan penginapan dan malam bagi setiap penginapan yang disediakan; dan
- (g) kadar dan amaun cukai pelancongan yang dikenakan.”.

### **Penggantian peraturan 8**

4. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 8 dengan peraturan yang berikut:

#### **“Cara mengemukakan penyata**

8. (1) Suatu penyata yang dibuat di bawah peraturan 7 hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah melalui perkhidmatan elektronik atau dalam

apa-apa cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Suatu penyata hendaklah disifatkan telah dikemukakan apabila penyata itu telah diterima oleh Ketua Pengarah melalui perkhidmatan elektronik atau dalam apa-apa cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.”.

### **Pindaan peraturan 9**

5. Peraturan 9 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang berikut:

“(1) Pembayaran cukai pelancongan di bawah seksyen 19 Akta, penalti, surcaj atau apa-apa wang lain di bawah Akta, hendaklah dibuat melalui perbankan elektronik atau dalam apa-apa cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.”;

(b) dengan memotong subperaturan (2); dan

(c) dalam subperaturan (3)—

(i) dengan menggantikan perenggan (a) dengan perenggan yang berikut:

“(a) jika pembayaran dibuat melalui perbankan elektronik, amaun itu hendaklah disifatkan tidak diterima sehingga amaun itu dimasukkan untuk dikreditkan kepada Ketua Pengarah; atau”; dan

(ii) dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:

“(b) jika pembayaran dibuat dalam apa-apa cara yang ditentukan oleh Ketua Pengarah, amaun tersebut hendaklah disifatkan

tidak diterima walau apa pun apa-apa resit diberikan sehingga amaun itu telah diterima sewajarnya oleh Ketua Pengarah.”

**Pindaan peraturan 11**

6. Peraturan 11 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong subperaturan (3).

Dibuat 28 Februari 2023

[MOF.TAX.(S)700-1/3/17; PN(PU2)745/JLD. 3]

ANWAR BIN IBRAHIM  
*Menteri Kewangan*

## TOURISM TAX ACT 2017

## TOURISM TAX (AMENDMENT) REGULATIONS 2023

IN exercise of the powers conferred by section 70 of the Tourism Tax Act 2017 [*Act 791*], the Minister makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Tourism Tax (Amendment) Regulations 2023**.

(2) These Regulations come into operation on 2 March 2023.

**New Part IIA**

2. The Tourism Tax Regulations 2017 [*P.U. (A) 228/2017*], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended by inserting after Part II the following part:

“PART IIA  
INVOICE OR RECEIPT

**Particulars in invoice or receipt**

5A. Every operator who issues an invoice or receipt in relation to accommodation premises provided to the tourist shall state thereon the following particulars:

- (a) the invoice or receipt serial number;
- (b) the date of the invoice or receipt;
- (c) the name, address and tourism tax identification number of the operator; and
- (d) the number of accommodation and nights for each accommodation provided.”.

**Amendment of regulation 6**

3. Regulation 6 of the principal Regulations is amended by substituting subregulation (5) the following subregulation:

- “(5) A credit note or debit note shall contain the following particulars:
- (a) the serial number of the credit note or debit note;
  - (b) the date of issuance of the credit note or debit note;
  - (c) the name, address and tourism tax identification number of the operator;
  - (d) the serial number and the date of the original invoice or receipt;
  - (e) the reason for the issuance of the credit note or debit note;
  - (f) the number of accommodation and nights for each accommodation provided; and
  - (g) the rate and amount of tourism tax chargeable.”

**Substitution of regulation 8**

4. The principal Regulations are amended by substituting for regulation 8 the following regulation:

**“Manner of furnishing of return**

8. (1) A return made under regulation 7 shall be furnished to the Director General through electronic services or in any manner as the Director General may determine.

(2) A return shall be deemed to be furnished when the return has been received by the Director General through electronic services or in any manner as the Director General may determine.”.

### **Amendment of regulation 9**

5. Regulation 9 of the principal Regulations is amended—

(a) by substituting for subregulation (1) the following subregulation:

“(1) Payment of tourism tax under section 19 of the Act, penalty, surcharge or any other money under the Act, shall be made through electronic banking or in any manner as the Director General may determine.”;

(b) by deleting subregulation (2); and

(c) in subregulation (3)—

(i) by substituting for paragraph (a) the following paragraph:

“(a) where the payment made through electronic banking, the amount shall be deemed not to have been received until such amount is lodged to the credit of the Director General; or”;

(ii) by substituting for paragraph (b) the following paragraph:

“(b) where the payment is made in any manner as the Director General may determine, the amount shall be deemed not to have been received notwithstanding any receipt given until such amount is duly received by the Director General.”.



**Amendment of regulation 11**

6. Regulation 11 of the principal Regulations is amended by deleting subregulation (3).

Made 28 February 2023

[MOF.TAX.(S)700-1/3/17; PN(PU2)745/JLD. 3]

ANWAR BIN IBRAHIM  
*Minister of Finance*